

02/09/2002

Isu pendatang: Nur Jaafar ketua rombongan Arroyo

KUALA LUMPUR, Ahad - Nur Jaafar, penasihat presiden Filipina, Gloria Arroyo, akan mengetuai rombongan ke sini esok bagi membincangkan penghantaran pulang pendatang Filipina dari Malaysia.

Duta Filipina ke Malaysia, Jose Brillantes, hari ini mengesahkan bahawa Jaafar, bekas anggota kongres, akan mengetuai satu delegasi yang dianggotai beberapa pegawai kanan kerajaan negara itu.

"Selain ke Kuala Lumpur, misi ini akan ke Kota Kinabalu dan Sandakan," katanya ketika dihubungi Bernama di sini, hari ini.

Sebahagian besar pendatang tanpa izin Filipina kini ditahan di pusat tahanan di Menggatal, Kota Kinabalu dan Sandakan.

Ditanya sama ada delegasi itu mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga Menteri Dalam Negeri, Brillantes berkata jadual lawatan delegasi itu belum dimuktamadkan.

Semalam, Dr Mahathir berkata, kerajaan mengambil keputusan menangguhkan penghantaran pulang pendatang tanpa izin Filipina bagi memenuhi permintaan Arroyo.

Filipina meminta Malaysia menangguhkan penghantaran pulang rakyatnya kerana terdapat bantahan umum di negara itu kononnya pihak berkuasa Malaysia memberi layanan buruk kepada warga Filipina di pusat tahanan.

Dr Mahathir, bagaimanapun menafikan dakwaan itu dan memenuhi permintaan negara itu untuk menghantar pegawainya menjalankan siasatan berhubung perkara itu.